

Kerah kudrat cari rezeki

➔ Pemuda OKU cuci tandas awam, kutip tin bantu keluarga

Oleh Rizanizam Abdul Hamid
bhnews@bh.com.my

✦ Puchong

Selagi mampu bergerak, saya akan mengerahkan kudrat badan yang cacat ini untuk mencari rezeki sendiri," kata orang kurang upaya (OKU), Muhammad Helmi Firdaus Abdul Halid.

Pemuda berusia 21 tahun itu menghidap penyakit kepala besar atau dikenali sebagai Hydroce phalus sejak lahir, menyebabkan ke-

dua-dua kakinya lumpuh dan terpaksa bergerak dengan bantuan kerusi roda.

Berdikari cari duit sendiri

Namun, dia yang mesra dengan panggilan Amy, tidak pernah mengangap status OKU sebagai halangan bekerja menyara kehidupan sebagai pencuci tandas awam di Puchong Perdana di sini sejak tiga tahun lalu.

"Setiap hari saya akan keluar rumah seawal jam 5 pagi dan bergerak sendiri menggunakan kerusi roda dari rumah sehingga tiba di Stesen LRT BK5 sejauh 4.5 kilometer yang mengambil masa selama satu jam 30 minit.

"Selepas menaiki LRT, saya akan turun di Stesen LRT Puchong Perdana untuk memulakan kerja sebagai tukang cuci tandas awam pada jam 7 pagi.

"Kalau sampai awal saya akan kutip tin kosong dan menjualnya untuk menambah pendapatan," katanya ketika ditemui di rumah keluarganya di Bandar Kinrara di

sini, semalam.

Anak bongsu daripada tiga beradik ini berkata, ada kalanya jika terlalu penat selepas kerja atau cuaca hujan, dia bermalam dalam stor bersebelahan tandas berkenaan sebelum memulakan rutinya itu kesokan harinya.

"Kejadian disamun empat kali sejak bekerja tiga tahun lalu dan nyaris lemas dalam asap akibat kebakaran tandas tidak melunturkan semangat saya mencari rezeki di tandas awam ini.

"Saya mengambil upah menjual kuih dengan bergerak menggunakan kerusi roda ke kawasan tumpuan orang ramai," katanya yang bergerak menggunakan papan luncur ketika di sekolah.

Sementara itu ibunya, Hasaliza Mohamed Hashim, 46, berkata dia tidak pernah memaksa anak bongsunya itu bekerja apatah lagi membiarkannya bergerak sendirian menggunakan kerusi roda, berkongsi jalan dengan pelbagai kenderaan lain di jalan raya.



Muhammad Helmi Firdaus bersalam dengan ibunya sebelum ke tempat kerja ketika ditemui di Puchong, semalam.

FOTO MAHZUR MAT ISA/BH